

## Sembang RCS

### Jibe Mobile Ltd. ("Jibe Mobile")

70 Sir John Rogerson's Quay, Dublin 2, Ireland

<https://support.google.com/>

Dikemaskinikan pada 16 Mac 2023

Versi sebelumnya: [21 Disember 2020](#)

### Ringkasan kontrak

- Ringkasan kontrak ini menerangkan elemen utama dalam tawaran perkhidmatan kami seperti yang dikehendaki oleh undang-undang EU<sup>1</sup>.
- Ringkasan kontak ini bertujuan untuk membantu anda membuat perbandingan antara tawaran perkhidmatan.
- Maklumat lengkap tentang tawaran perkhidmatan kami tersedia dalam dokumen yang lain.

### Perkhidmatan

Sembang RCS menyediakan pengalaman pemesejan kaya yang dipertingkatkan untuk pengguna Messages oleh Google. Sambungan Internet diperlukan untuk menghantar mesej sembang RCS. Sembang RCS disediakan oleh Jibe Mobile menggunakan kemahiran dan penjagaan yang munasabah, walaupun tiada penawaran tahap kualiti perkhidmatan yang minimum.

### Harga

Sembang RCS ditawarkan tanpa kos dan penggunaan ciri ini tertakluk pada pematuhan terhadap Syarat Perkhidmatan Jibe Mobile (tersedia pada <https://jibe.google.com/policies/terms/>) dan Syarat Perkhidmatan Google (tersedia pada <https://policies.google.com/terms>).

### Tempoh, pembaharuan dan penamatan

Sembang RCS tersedia untuk anda gunakan dengan serta-merta selepas pendaftaran. Tiada komitmen untuk anda menggunakan sembang RCS bagi tempoh yang tetap dan anda boleh berhenti menggunakan ciri ini pada bila-bila masa.

### Ciri untuk pengguna akhir yang kurang upaya

Anda boleh menggunakan pembaca skrin dengan sembang RCS. Butiran lanjut tersedia pada <https://support.google.com/messages/answer/6105764>.

### Maklumat berkaitan yang lain

**Sokongan Pelanggan:** Bantuan dan sokongan untuk sembang RCS tersedia pada <https://support.google.com/>.

**Pertikaian:** Anda boleh mengemukakan aduan kepada penyedia penyelesaian pertikaian alternatif yang disenaraikan pada <https://ec.europa.eu/consumers/odr/main/?event=main.adr.show2> atau penyedia lain, mengikut keperluan undang-undang negara anda. Butiran lanjut tersedia dalam Syarat Perkhidmatan Google.

---

<sup>1</sup> Perkara 102(3) Arahan (EU) 2018/1972 Parlimen dan Majlis Eropah bertarikh 11 Disember 2018 yang menetapkan Kod Komunikasi Elektronik Eropah (OJ L 321, 17.12.2018, ms. 36).

Insiden Keselamatan: Jibe Mobile mengekalkan program pengurusan insiden sepanjang masa yang teliti untuk mengenal pasti dan bertindak balas terhadap peristiwa keselamatan atau privasi tanpa berlengah-lengah. Jibe Mobile juga menyediakan Senarai Semak Keselamatan untuk membantu anda mengurus keselamatan dalam talian anda.

Data Peribadi: Untuk mendaftar bagi sembang RCS, anda perlu memberikan nombor telefon anda. Dasar Privasi Google (tersedia pada <https://policies.google.com/privacy>) menyediakan maklumat lanjut tentang data peribadi yang dikumpulkan oleh Jibe Mobile apabila anda menggunakan sembang RCS. Dasar Privasi Google tidak membentuk sebahagian daripada kontrak antara anda dengan Jibe Mobile atau ringkasan ini.